

# KENYATAAN MEDIA

---

## PERUBAHAN MODEL PELAKSANAAN PROJEK LEBUHRAYA PAN BORNEO SABAH

**Kuala Lumpur** – Selaras dengan usaha Kerajaan mengoptimumkan kos projek-projek yang memberi implikasi kewangan yang tinggi kepada Negara, Kabinet telah memutuskan agar Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah (LPB Sabah) dilaksanakan secara konvensional. Sehubungan itu, Kementerian Kerja Raya (KKR) akan mengambil alih pelaksanaannya, manakala Pegawai Penguasa Projek adalah Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah.

Kerajaan juga bersetuju supaya pelaksanaan projek LPB Sabah diperluaskan dengan penambahan tiga (3) lagi pakej kerja yang akan ditender dalam masa terdekat selain daripada 12 pakej kerja yang sedang dilaksanakan. Berikutan itu penilaian terperinci sedang dijalankan pada keseluruhan kontrak Kontraktor Pakej Kerja (*Work Package Contract* – WPC) dan perunding yang telah dilantik bagi membolehkan proses peralihan berjalan dengan lancar dan teratur.

Perubahan model pelaksanaan tersebut tidak akan menjejaskan komitmen Kerajaan bagi memastikan kelangsungan projek LPB Sabah sebagai pemangkin pembangunan sektor sosio-ekonomi, perindustrian serta pelaburan di sepanjang jajaran projek tersebut.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**22 APRIL 2019**

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my